

TRANSFORMASI DIGITAL KARYA ISLAMI: KAJIAN TERHADAP NOVEL RONA BOSPHORUS

DIGITAL TRANSFORMATION OF ISLAMIC CREATIVE WORK: A STUDY OF NOVEL RONA BOSPHORUS

Maimanah Binti Samsuri

Akademi Pengajian bahasa, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Raub, Felda Krau, 27600 Raub, Pahang

Article history

Received date : 25-8-2025

Revised date : 26-8-2025

Accepted date : 27-9-2025

Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Samsuri, M. (2025). Transformasi digital karya Islami: Kajian terhadap novel Rona Bosphorus. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 363 – 376.

Abstrak: Perkembangan penerbitan novel Islam kontemporari di Malaysia telah berlaku sejak awal 2000-an dan ia telah meningkat dengan cepat sebagai tindak balas kepada keperluan masyarakat untuk naratif keislaman kontemporari. Kehadiran teknologi digital telah memberi impak dan kesan kepada perubahan landskap novel Islami ke arah transformasi dan pendigitalan. Drama bersiri Rona Bosphorus yang berasal dari sebuah novel bercetak telah berjaya menarik perhatian peminat karya-karya Islam. Oleh itu, timbul persoalan bagaimana nilai-nilai dan matlamat dakwah dalam sesebuah karya Islami dapat dipelihara dan dikekalkan, atau nilai-nilai ini dihilangkan atau dikurangkan dalam medium baru. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana proses transformasi karya-karya Islamik bercetak diadaptasikan dalam bentuk medium digital, sejauh mana perbezaan di antara karya bercetak dan karya yang ditransformasikan ke medium lain mengekalkan keasliannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan teori adaptasi oleh Linda Hutcheon dan kaedah analisis kandungan. Data dikumpulkan melalui analisis teks novel itu sendiri, platform digital yang berkaitan iaitu drama bersiri dari RTMklik. Dapatan Kajian menunjukkan bahawa transformasi novel Rona Bosphorus ke dalam medium digital telah berjaya dilakukan dengan mengekalkan tema, plot penceritaan, dan watak berdasarkan keasliannya selain daripada nilai-nilai Islam dan mesej dakwah dikekalkan. Akan tetapi, beberapa elemen lain terpaksa ditambah atau dikurangkan atas faktor-faktor kesesuaian dan keindahan. Kajian ini menyimpulkan bahawa transformasi digital novel Islam moden adalah suatu proses rundingan yang kompleks antara matlamat dakwah dengan tuntutan pasaran digital. Sebagai sumbangan asli, kajian ini menawarkan model analisis untuk menilai keberkesanan adaptasi digital karya sastera Islam dan memberikan implikasi penting kepada penulis, penerbit, dan penggiat dakwah tentang keperluan merangka strategi digital yang bukan sahaja meluaskan capaian tetapi juga memelihara kedalaman dan keaslian mesej.

Kata Kunci: Karya Islami, Novel Rona Bosphorus, Transformasi Digital

Abstract: The development of contemporary Islamic novel publishing in Malaysia has been occurring since the early 2000s and has increased rapidly in response to society's need for contemporary Islamic narratives. The presence of digital technology has impacted and affected the changing landscape of Islamic novels toward transformation and digitalization. The series "Rona Bosphorus," adapted from a printed novel, has successfully captured the attention of

fans of Islamic works. Therefore, the question arises of how the values and goals of da'wah in an Islamic work can be preserved and maintained, or whether these values are lost or diminished in the new medium. Therefore, this study aims to examine the extent to which the process of transforming printed Islamic works is adapted into digital media, and the extent to which the differences between printed works and those transformed into other media maintain their authenticity. This study uses a qualitative approach based on Linda Hutcheon's adaptation theory and content analysis methods. Data was collected thru text analysis of the novel itself, and the related digital platform, the RTMklik series. The study findings indicate that the transformation of the novel Rona Bosphorus into a digital medium was successfully achieved while maintaining the theme, plot, and characters based on their originality, in addition to preserving Islamic values and dakwah messages. However, some other elements had to be added or removed due to factors of suitability and esthetics. This study concludes that the digital transformation of modern Islamic novels is a complex negotiation process between missionary goals and the demands of the digital market. As an original contribution, this study offers an analytical model for assessing the effectiveness of digital adaptations of Islamic literary works and provides important implications for writers, publishers, and da'wah practitioners regarding the need to develop digital strategies that not only expand reach but also preserve the depth and authenticity of the message.

Keywords: *Islamic creative work, Novel Rona Bosphorus, Digital Transformation*

Pengenalan

Era globalisasi telah membawa kemajuan dan perkembangan pesat terhadap teknologi maklumat dan teknologi digital secara amnya dan industri penerbitan secara khasnya. Perubahan ini telah memberi kesan yang ketara kepada landskap dunia kesusasteraan, termasuk kesusasteraan Islam kontemporari (Hashim, R., 2021; Ahmad & Zainal, 2020). Peranan sastera sangat penting dalam menyampaikan identiti, prinsip, dan budaya sesebuah masyarakat. Oleh itu, kehadiran Kesusasteraan Islam moden yang merupakan salah satu genre yang semakin mendapat tempat dalam landskap sastera global, telah membawa perubahan yang ketara dalam kesusasteraan itu sendiri bermula dengan perubahan tujuan dan topik dalam karya, penggunaan gaya bahasa dan timbulnya istilah-istilah baru yang belum dikenali sebelumnya seperti iman, Islam, jannah, solat, taqwa dan sebagainya (Shawqi Dayf, 1981; Abdul Hakim et al., 2015)

Selain itu, kesusasteraan Islam bukan sekadar alat hiburan; tetapi merupakan platform penting bagi menyebarkan nilai-nilai Islam yang moden dan progresif kepada masyarakat. Teks-teks ini, menggabungkan tema tradisional dengan isu kontemporari yang menunjukkan masalah dan kesukaran yang dihadapi oleh umat Islam pada zaman moden (Nor & Nor, 2022). Genre ini dapat merapatkan jurang antara budaya dan generasi melalui pendekatan yang inklusif dan holistik. Kebangkitan gerakan ke arah kesusasteraan Islam ini telah mendapat perhatian masyarakat Muslim dunia termasuk Malaysia.

Di Malaysia, gerakan baru ini telah bermula sejak era 1980-an, yang telah mencetuskan perbincangan berkait kepentingan mengangkat nilai Islam dan aktiviti dakwah yang menyumbang kepada pemantapan sastera Melayu dan Islam. Sehingga menjelang awal abad 21 berlaku perubahan dan impak yang terhadap genre sastera Islam menunjukkan peningkatan dari segi penghasilan karya dan penerimaan pembaca (Mohd Roslan, 2009; Hashim, 2015). Ungku Maimunah (1994) menjelaskan bahawa antara kesan Gerakkan dakwah Islam di Malaysia dalam usaha merenung kembali definisi sastera menurut pandangan Islam agar selari dengan pemikiran sastera Melayu yang didominasi oleh sastera Barat (Ahmad Nabil Amir, 2019).

Perkembangan ini telah melahirkan banyak penulis-penulis muda yang mula menekankan tema-tema keislaman, karya-karya Islam ini telah bermula dengan tokoh-tokoh sasterawan seperti Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani, Abdullah Hussain, Kemala (Salleh, 2004; Mohd Roslan, 2009)

Dalam konteks semasa ini, kemunculan karya-karya Islam ini telah menarik perhatian ramai, terutamanya dalam kalangan pembaca muda. Kesedaran ini telah membawa pengaruh kepada penulis-penulis muda yang memberi idea-idea baru dan penggunaan platform-platform digital terkini seperti e-novel dan blog, serta memanfaatkan media sosial seperti YouTube, tik tok dan sebagainya dalam menyebarkan karyanya sebagai pemangkin dan penerus penulisan sastera Islam dengan cara yang relevan dan menarik. Maka dengan adanya perubahan ini ia juga membuka akses lebih mudah kepada pembaca dan penonton di seluruh dunia dan meluaskan pasarannya (Jamaludin et al., 2022). Kesedaran ini telah mendapat perhatian penulis dan karyawan muda seperti Hlovate, Hilal Asyraf, Fatimah Syarha dan Zaid Akhtar.

Sebagai usaha melihat perubahan yang berlaku pada karya-karya yang ditulis secara tradisional ke arah digital khususnya dalam pengadaptasian ke arah penerbitan filem atau drama bersiri. Oleh itu, kajian ini penting bagi tujuan menganalisis dan memahami bentuk adaptasi digital yang berlaku dalam karya Rona Bosphorus yang ditulis oleh Zaid Akhtar untuk mengenal pasti sejauh mana elemen Islamik dikekalkan atau disesuaikan dalam bentuk digital dan menilai persepsi pembaca terhadap karya Zaid Akhtar dalam medium digital.

Permasalahan Kajian

Teknologi digital telah membuka ruang dan peluang kepada pelbagai disiplin ilmu untuk menyesuaikan diri dengan medium yang lebih interaktif dan mudah diakses, termasuk dalam konteks penyebaran kandungan Islam. Walaupun, kajian berkait teknologi digital Islam lebih cenderung menumpukan kepada sistem pengurusan pengetahuan, organisasi dakwah, dan aspek pendidikan (e-pendidikan) telah memberi sumbangan yang besar terhadap pembangunan teknologi Islamik (Hashim, R., 2020; Mohd Nor & Hassan, 2021), akan tetapi kajian berkait dengan kesusasteraan Islam—khususnya novel Islam moden—masih kurang diberi perhatian dalam konteks transformasi digital.

Kekurangan rangka kerja atau model strategi yang khusus terhadap kontes transformasi pendigitalan digital terhadap proses pendigitalan novel Islam. Proses ini sangat membimbangkan kerana proses ini bukan sahaja memindahkan teks daripada kertas ke skrin, tetapi ia juga melibatkan isu yang lebih mendalam seperti kelangsungan roh, prinsip, dan estetika sastera Islam. Jika tiada kerangka konseptual yang kukuh, transformasi digital mungkin hanya menjadi usaha teknikal tanpa mengambil kira prinsip epistemologi Islam dan kekuatan naratif, yang merupakan asas sastera Islam (Nasir, 2023). Oleh itu, pembangunan kerangka strategik yang boleh mengimbangi keperluan teknologi, kepatuhan terhadap nilai dan etika Islam satu keperluan. Berpaksikan kepada latar belakang permasalahan dan jurang-jurang penyelidikan yang dikenal pasti, kajian ini dirangka untuk menjawab tiga persoalan utama berikut:

- 1) Bagaimanakah novel Rona Bosphorus ditransformasikan daripada format bercetak ke format digital dan implikasinya terhadap pemeliharaan nilai kesusasteraan Islam?
- 2) Adakah persamaan dan perbezaan daripada perubahan yang berlaku daripada novel kepada drama dari segi interpretatif, di kalangan peminat digital dan peminat tradisional?

Kajian Lepas

Definisi Sastera Islam

Sastera atau dalam bahasa arab disebut sebagai “*adab*” dalam al-Qamus al-Muhit ia bererti penggerak atau pendorong (al-Fayruz Abadi, 1987), manakala Kamus Dewan (2015) pula memberikan pengertian sastera sebagai hasil seni (karya tulisan) dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu. Perkara ini juga jika dihubungkan dengan satu seni keindahan yang harus diselarikan dan dihubungkan dengan Aqidah (Rosni & Nurhasma, 2012).

Dari segi istilah pula “*adab*” atau *sastera* memberi makna yang pelbagai mengikut zaman dan bahasa, dalam bahasa *Arab* *adab* secara amnya boleh diertikan dalam 3 pengertian utama iaitu: kesopanan dan akhlak seperti yang terdapat di dalam Hadith Rasul S.A.W. “أدبني ربي، فأحسن تأديبي” yang bermaksud “Tuhanku telah mendidiku, maka Dia memperelokkan pendidikanku.”, dan darinya ia membawa makna pendidik dan gabungan antara pendidik dan kesopanan. Manakala dalam Bahasa Inggris “*Literature*” pula dikenali sebagai sekumpulan karya prosa dan puisi yang dicirikan oleh keunggulan gaya dan keabadian idea yang khusus kepada bahasa tertentu atau bangsa tertentu (Wahbah, & al-Muhandis, 1984).

Sastera Islam pula merujuk kepada gabungan dua perkataan *sastera* dan *Islam*, ketika dua perkataan ini digabungkan menjadikan skop sastera lebih khusus dan membawa perubahan kepada pengertian baru. Sastera Islam secara amnya diertikan sebagai ungkapan-ungkapan indah yang tidak memisahkan antara keindahan dan keimanan yang berasaskan *akidah Islamiyyah* dan falsafahnya (Abdul Hakim et al., 2015). Bagi pengertian khusus pengertian ini lebih meluas dan pelbagai, antara ulama dan sasterawan awal yang memberikan pandangan beliau terhadap pengertian sastera Islam adalah Sayyid Qutb (1983) yang menyatakan bahawa “Sastera Islam bukan semata-mata membincangkan mengenai Islam atau sesuatu tempoh dalam sejarah seorang individu, akan tetapi merupakan suatu ungkapan yang terbit daripada jiwa yang dipenuhi dengan gelombang perasaan keislaman. Manakala Muhammad Qutb (1983) dalam bukunya *Manhaj al-Fann al-Islami* menyatakan bahawa sastera Islam ialah suatu ungkapan dan luahan yang indah dan menarik tentang alam, kehidupan dan manusia (insan) berasaskan tasawur Islam yang betul.

Najib al-Kilani (1986) pula menambah makna Sastera Islam iaitu luahan seni yang indah, dapat menawan kalbu, terhasil daripada seseorang mukmin dan merupakan terjemahan tentang kehidupan, insan dan alam semesta berpaksikan asas-asas *akidah Islamiyyah*. Oleh itu, dalam usaha penulisan karya sastera Islam mereka haruslah mahir dalam meluahkan idea dan karya sastera dengan menggabungkan nilai-nilai kesenian, asas-asas agama Islam dan Tasawwur Islam berkait kehidupan, manusia dan alam.

Novel merupakan antara jenis karya sastera yang banyak ditulis selain puisi, cerpen, dan drama, karya-karya seni ini sentiasa berkembang mengikut perkembangan semasa ia juga bukan semata-mata sebagai hiburan tetapi sebagai medium menyampaikan nilai-nilai murni, selain ia mudah didapati dan disukai oleh orang ramai (Mohd Ghazali, 2003; Hashim, M., 2010). Manakala novel Islam merupakan satu karya fiksi naratif panjang yang berasaskan prinsip-prinsip Islam dan ajaran Islam sebagai teras utama dalam penyediaan watak, jalan cerita, tema dan mesej (Abdul Hakim et al., 2015; Mohd Ali, 2009). Novel Islam bukan semata-mata cerita belakang dan watak Islam dan Muslim, ia bukan sekadar menceritakan kisah dengan latar watak Muslim, tetapi disampaikan berasaskan elemen dakwah, nilai akhlak, syariah dan penghayatan Islam dalam kehidupan seharian bagi menyampaikan kepada pembaca (Abdul Hakim et al.,

2015; Mohd Ali, 2009). Pandangan ini dipersetujui oleh Hashim (2005) dengan katanya: "Karya kreatif yang menyampaikan mesej dakwah melalui penceritaan yang berasaskan syariat Islam dengan memasukkan elemen Islam secara langsung ataupun tidak langsung (menunjukkan kebaikan dan keburukan, pertembungan antara iman dan nafsu), serta menjadikan Islam sebagai asas dalam tema, watak, dan plot yang membawa kepada ketakwaan dan kebenaran. Yusof dan Salleh (2016) pula menjelaskan bahawa novel Islam merupakan gambaran kepada nilai-nilai Islam dalam semua aspek yang berlandaskan al-Qur'an dan Sunnah dan bukan semata-mata ditulis oleh orang Muslim. Selain itu ia mengajar pembaca tentang kehidupan sebagai hamba dan khalifah Allah.

Perkembangan dan Perubahan Novel Islam ke arah Novel Digital di Malaysia

Fenomena dakwah dan kesusasteraan Islam di Malaysia telah berlaku seiring kebangkitan kesedaran Islam dalam masyarakat Melayu Muslim sejak tahun 1970an atau 1980an. Kebangkitan ini telah memberi kesan dan pengaruh kepada kesedaran masyarakat Melayu Muslim dan perkembangan sastera Melayu (Mohd Roslan, 2009; Hashim, 2015). Kehadiran sastera Islam amnya dan novel Islam telah membuka ruang kepada penulisan karya dalam penyampaian dakwah, nilai-nilai moral dan pemikiran Islam. Penulisan novel Melayu pada awalnya tidaklah bersifat Islamik sepenuhnya, tetapi terdapat unsur-unsur pemikiran Islam seperti Hikayat Faridah Hanum oleh Syed Sheikh al-Hadi, karya ini merupakan permulaan awal kepada kesusasteraan moden Melayu yang memfokuskan kepada pemikiran, pembelaan wanita dalam kerangka nilai Islam (Mohd Roslan, 2009; Hashim, 2015).

Berlanjutan dari itu, pada tahun 1970an sehingga tahun 1980an dengan hadirnya kebangkitan Islam secara meluas, terbit banyak karya-karya yang memfokuskan kepada identiti dan watak Muslim yang berpegang kepada agama, nilai-nilai murni dan akhlak secara tersirat dan bersifat kebudayaan semata-mata, dan menyampaikan penceritaan yang penuh dengan persoalan keimanan, sosial dan politik menurut perspektif Islam, dan tidak melihat kepada pemikiran dan dakwah (Saad & Mohd Nor, 2013).

Bermula dari awal abad ke 21, penggunaan penceritaan transmedia merujuk kepada teknik penceritaan yang meyebar cerita atau kandungan melalui pelbagai platform media, seperti filem, televisyen, permainan video, media sosial dan buku (Jenkins, 2007). Jenkins (2007) menjelaskan bahawa setiap medium dapat menghasilkan pengalaman naratif yang berbeza dari segi kandungan yang sama. Dalam pada yang sama, permintaan dan penerimaan terhadap karya-karya berunsurkan Islamik semakin meningkat dan menjadi popular dengan pelbagai jenis medium digital seperti podcast Islam, drama bersiri digital, e-novel dan kandungan visual di YouTube dan TikTok (Rahim & Zulkifli, 2021; Mohd Yusof, 2023). Berpandangan bahawa medium digital boleh meningkatkan kesan emosi terhadap khalayak ketika penyampaian mesej Islam dengan menggunakan alat bantuan seperti ekspresi dramatik, bunyi dan visual yang lebih kuat. Kejayaan terbesar dilihat dengan kehadiran novel "Ayat-ayat Cinta" dan "Ketika Cinta Bertasbih" karya Habiburrahman El Shirazy dari Indonesia, dari situ munculnya penerbit tempatan yang menggubah karya-karya Islamik kepada digital. Dengan itu, lahir ramai penulis-penulis muda yang memperjuangkan mesej Islamik dengan gaya penulisan yang moden (Mohamad, 2014).

Penulis-penulis muda ini telah menggunakan karya-karya mereka dalam bentuk digital tidak kira dalam bentuk karya bersiri mahupun bekerjasama dalam penghasilan filem atau drama bersiri secara digital. Perkara ini menunjukkan bahawa permintaan kepada mesej dakwah interaktif dan nilai-nilai Islam pada pemuda semakin meningkat kerana media digital

terutamanya penggunaan terhadap aplikasi telefon pintar dan media sosial lebih dekat dengan gaya hidup masa kini (Nazirah Hamdan et al., 2023; Zafri, Opir & Yahaya, 2023).

Fenomena ini menunjukkan usaha penulis dan penerbit dalam menyebarkan nilai-nilai Islam secara kreatif dalam media digital yang kompetitif dan menjadikan karya-karya Islamik lebih inklusif dan responsif terhadap perubahan yang berlaku dalam budaya pembacaan moden. Ini bererti novel Islam kebiasaannya menggunakan gaya bahasa yang mudah dan santai, menciptakan dan menampilkan watak masyarakat Muslim, remaja atau belia dalam gaya naratif yang menegahkan konflik emosi, cinta dan identiti Muslim kontemporari (Mohamad, 2014; Saad & Mohd Nor, 2013). Antara penekanan yang perlu diberikan perhatian oleh penulis-penulis novel Islam nilai-nilai Islam, transformasi peribadi dan keagamaan bagi menarik minat pembaca generasi muda khususnya dalam menghadapi cabaran modenisasi dan globalisasi (Rosli, 2017; Yusof & Salleh, 2016).

Teori Adaptasi

Teori adaptasi ialah satu proses peralihan, pemindahan, atau pengubahsuaian cerita daripada satu medium kepada medium yang lain yang melibatkan proses pentafsiran, penyesuaian dan transformasi yang melibatkan pelbagai pertimbangan dari sudut budaya, estetika, medium dan audiens (Hutcheon, 2006). Dalam kajian ini fokus tertumpu kepada teori adaptasi yang dibawa oleh Linda Hutcheon. Hutcheon (2006) berpandangan bahawa kewujudan adaptasi perlu melangkaui konsep kesetiaan terhadap sumber asal, dan bersandarkan kepada 3 elemen utama yang telah dijelaskan dalam bukunya "*A Theory of Adaptation*" iaitu Penciptaan dan Pengadaptasi (Who? Why?), Audien dan Penerimaan (How? Audiences) dan Konteks Masa dan Ruang (Where? When? Contexts).

Linda Hutcheon (2006) menerangkan teori adaptasi sebagai proses yang lebih daripada sekadar menyalin cerita dari satu medium ke medium yang lain. Ia juga melibatkan tafsiran, perubahan, dan penyesuaian berdasarkan pelbagai faktor. Individu yang terlibat dalam adaptasi dan latar penciptaan adalah dua komponen penting yang dibincangkan dalam teori ini. Adaptasi boleh dilakukan oleh individu atau kumpulan untuk pelbagai sebab, seperti untuk menghasilkan mesej baharu, menghormati karya asal, atau untuk kepentingan komersial. Penerimaan penonton atau audien juga penting untuk adaptasi. Audien baharu akan melihat adaptasi sebagai karya yang berdiri sendiri, manakala mereka yang sudah mengenali karya asal akan melihatnya dengan harapan tertentu. Oleh itu, pengadaptasi perlu mengimbangi elemen yang diubah dan yang dikekalkan dengan bijak. Pada masa yang sama, adaptasi sangat dipengaruhi oleh konteks masa dan ruang. Bagaimana sesuatu karya diubah suai untuk memenuhi keperluan semasa akan dipengaruhi oleh perubahan zaman, sensitiviti masyarakat, kemajuan teknologi dan budaya tempatan. Adaptasi adalah proses yang rumit dan kreatif kerana semua perkara ini. Ia bukan sekadar menyalin semula, tetapi satu bentuk penciptaan baharu dengan nilai yang unik (Hutcheon, 2006).

Ini bererti adaptasi adalah satu bentuk pengolahan semula dengan mengubah dan menyesuaikan sesuatu karya dan penekanan diberikan kepada kata kunci "kesetiaan" kepada sumber utama atau asli yang kadang tidak memberi manfaat tetapi ia boleh membawa kepada kebosanan dan kesan negatif, dan kadangkala ia berupaya mendominasi disebabkan liputan yang luas dan tidak terhad termasuklah filem, permainan video, televisyen, laman sesawang dan sebagainya (Muhammad Rizal, 2017).

Sifat intertekstual dalam karya juga merupakan salah satu proses dalam adaptasi, teks atau manuskrip yang diingati tidak semestinya ia berasal dari sumber asal atau dari karya-karya lain melalui pelbagai medium yang memiliki tajuk yang sama dan dapat membandingkan antara

kedua-dua kumpulan ini dengan berkongsi pengalaman yang berbeza. Hutcheon juga telah membahagikan adaptasikan kepada empat elemen utama (Muhammad Rizal, 2017):

1. Produk: merujuk kepada pemindahan daripada satu karya kepada karya yang lain tanpa sebarang perubahan.
2. Proses penciptaan: merujuk kepada proses adaptasi yang melibatkan tafsiran dan penciptaan semula, yang berfungsi sebagai usaha untuk menyelamatkan atau menyalin sumber asal.
3. Proses penerimaan: merujuk kepada sifat intertekstual dalam karya sastera yang merupakan teks atau manuskrip yang terdapat dalam ingatan yang berasal dari sumber asli secara langsung atau tidak dari karya-karya. Karya-karya yang memiliki tajuk yang sama dalam medium pelbagai bentuk dan latar belakang peminat berbeza tetapi berkongsi pengalaman yang sama.
4. Hubungan antara medium dan khalayak: perkara ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu:
 - *To tell*: merujuk kepada naratif sama ada karya sastera atau bukan yang dikawal oleh imaginasi tanpa imej dan bunyi. Pembaca mempunyai kebebasan untuk berhenti membaca, atau memilih susunan cerita atau halaman yang ingin dibaca.
 - *To show*: merujuk kepada filem atau persembahan pentas. Penonton tiada pilihan kecuali mengikut jalan cerita yang ditetapkan berdasarkan konsep persembahan yang mengubah imaginasi kepada realiti.
 - *Interact with stories*: merupakan hubungan medium di mana penceritaan melibatkan gabungan antara persembahan dan penyampaian yang membenarkan penonton atau pengguna untuk berinteraksi secara langsung dengan cerita yang dibina. Medium yang dimaksudkan bersifat digital, elektronik dan merupakan gabungan audiovisual, teks dan sistem komputer.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, penyelidikan keperpustakaan dan analisis kandungan bagi mengkaji proses transformasi penceritaan novel Islam kontemporari ke arah format digital. Kajian ini menggunakan sumber primer yang diperolehi daripada novel Rona Bosphorus yang diterbitkan oleh Utusan Publications, tahun 2003 dengan 171 halaman, dan drama bersiri arahan Khalid Nadzri yang diterbitkan pada awal tahun 2025 dan dibarisi pelakon-pelakon seperti Syafi Tee (Afham), Husna Mustaffa (Amal Hayati), dan ramai lagi, drama ini mengandungi 26 episod yang di siarkan di rangkaian TV Okay dan RTM. Manakala sumber sekunder pula diperolehi daripada pelbagai dokumen bertulis, termasuk buku, artikel jurnal, prosiding, laporan penyelidikan, dan bahan digital yang berkaitan dengan Transformasi digital dalam konteks kesusasteraan Islam, aplikasi dan analisis teori adaptasi terhadap novel Rona Bosphorus dan drama digital Rona Bosphorus.

Proses analisis kandungan merupakan perkara utama dalam kajian ini, hal tersebut dilakukan untuk tujuan menilai dan mencari perbezaan dan persamaan yang terkandung di dalam novel yang merupakan teks asal yang telah ditransformasikan kepada drama digital. Oleh yang demikian, proses ini merangkumi 2 fasa iaitu: fasa analisis novel bercetak bagi mengenal pasti struktur dan nilai-nilai asal, dan fasa kedua merupakan analisis drama digital bersiri bagi melihat elemen-elemen yang diubah dan penyesuaian yang telah dilaksanakan dari segi plot, nilai-nilai yang ditekankan, keseimbangan antara kedua-duanya dan sebagainya. Kaedah ini digunakan bertujuan untuk melihat penilaian keseluruhan terhadap keberkesanan dan pengaruh transformasi ini terhadap novel Islam dan sejauh mana ia dapat menyumbang kepada bidang kesusasteraan dalam penggunaan teknologi digital.

Dapatan dan Perbincangan

Zaid Akhtar Penulis Islam Modern.

Penulis Zaid Akhtar atau nama sebenar beliau Mohamad Yazid Abdul Majid ialah seorang penulis fiksi yang banyak menghasilkan novel dan cerita bersiri dengan tema Islamik dan nilai moral. Beliau juga mempunyai gaya tersendiri dalam penceritaan dan penulisan, menekankan nilai-nilai Islam, dakwah dan moral secara terang-terang, menampilkan isu-isu semasa umat Islam seperti pergaulan, pengaruh budaya asing dan ketegangan identiti Muslim, selain dapat mencipta watak dan latar yang dekat dengan realiti kehidupan dan menjadikan novel bukan sebagai hiburan semata tetapi sebagai wadah pendidikan rohani (Zainuddin, 2018).

Beliau mula berjinak-jinak dengan penulisan bermula dari akhir tahun 1993, cerpen pertamanya berjudul "Juara yang Tewas", telah diterbitkan di majalah Dewan Siswa pada Januari 1994, dan telah memenangi Hadiah Sastera Siswa Bank Rakyat-DBP 1994, beberapa cerpen lain juga telah mendapat anugerah seperti: cerpen Nil Masih Mengalir dan telah memenangi Hadiah Sastera Darul Ta'zim. Beliau juga telah menulis novel antara novel yang popular adalah Sesegar Nailofar (2000), Rona Bosphorus (2002), Justeru Impian di Jaring (2007) dan Salju Sakinah (2011), begitu juga dua novel beliau telah berjaya diterbitkan sebagai drama bersiri iaitu Salju Sakinah dan Rona Bosphorus.

Sinopsis Novel dan Drama Rona Bosphorus

Novel Rona Bosphorus merupakan sebuah karya yang mengisahkan tentang perjuangan anak muda perantau yang bercita-cita tinggi, memperjuangkan identiti, ideologi dan emosi dalam dunia Islam kontemporari dalam menyampaikan dakwah, serta kepekaan mereka terhadap isu-isu semasa khususnya nasib umat Islam. Novel menceritakan tentang anak muda bernama Afham pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran di sarjana di Istanbul Turki selepas menamatkan pengajiannya di Jordan, Afham berusaha berusaha memperjuangkan institusi pendidikan agama yang diancam oleh dasar-dasar sekular, selain itu konflik yang dihadapi dengan Amal Hayati seorang hafizah muda yang juga tamatan universiti di Jordan dan mengajar di Madrasah di Turki. Amal Hayati juga menghadapi konflik berkaitan dengan emosi dan intelektual. Gaya penceritaan novel tertumpu kepada refleksi dan simbolik, dengan penggunaan elemen Istanbul dan Bosphorus sebagai metafora perjalanan spirituil dan konflik. Ia juga banyak menekankan monolog dalaman dan konflik nilai dan agama.

Manakala, perjalanan penceritaan drama bersiri lebih dramatik, cerita ini banyak menyentuh isu perasaan dan cinta, nilai moral, tanggungjawab dan prinsip hidup serta memartabatkan Islam. Jalan cerita dalam drama tidak jauh berbeza dengan dalam novel, kisah bermula dengan perjalanan seorang pemuda bernama Afham dan Naura yang menamatkan pengajian di salah satu universiti di Jordan mereka merupakan pasangan kekasih, konflik bermula ketika Afham bercadang melanjutkan pelajaran beliau ke Turki, manakala Naura berharap agar Afham memiangnya sebelum melanjutkan pelajarannya, akan tetapi Afham menolak kerana ingin lebih fokus kepada pelajarannya. Ketika di Turki Afham telah bertemu dengan gadis bernama Amal Hayati tetapi ingin melanjutkan pelajaran ke Turki, yang menghadapi konflik percintaan dengan gadis bernama Naura yang mengharapkan beliau pulang ke tanah air dan pertemuannya dengan gadis bernama Amal Hayati yang pergi ke Turki kerana dikhianati dan patah hati selain dari mencari makna hidup. Konflik percintaan berlanjutan sehingga pulangnya ke Malaysia dengan konflik emosi dan percintaan yang lebih rumit yang menyebabkan Afham keliru memilih antara dua gadis. Watak Amal yang penuh dengan sifat pengorbanan, walaupun mengalami konflik emosi. Penambahan dua watak tambahan seperti Naura dan Dr. Wajdi menambah lagi konflik pencerita. Selain itu, rintangan dan cabaran budaya dan identiti, dan

nilai agama dan keimanan, dan cinta, pengorbanan dan tanggungjawab terhadap keluarga dan masyarakat juga menjadi asas dalam drama,

Analisis Perbandingan Berdasarkan Teori Adaptasi

Adaptasi sesebuah karya sastera ke bentuk visual bukan sekadar pemindahan kandungan, tetapi melibatkan proses kreatif dan tafsiran semula. Menurut Hutcheon (2006), adaptasi ialah suatu bentuk “*intersemiotic transposition*” iaitu pemindahan dari satu sistem semiotik (teks) kepada sistem semiotik yang lain (audio-visual), yang membawa maksud ia bukan hanya “mengulang cerita”, tetapi juga “mengulas” dan “mentafsir semula” melalui medium dan konteks yang berbeza. Justeru, kajian ini menganalisis bagaimana Rona Bosphorus, sebuah novel bernuansa perjuangan dan idealisme Islam, diadaptasikan menjadi drama bersiri televisyen yang lebih beremosi, dramatik, dan berorientasi khalayak arus perdana, berikut adalah elemen yang dicadangkan oleh Hutcheon:

A) Pengulangan

Proses pengulangan dalam proses adaptasi novel ke drama masih kekal konsep teks asal. Beberapa perkara dalam drama dan novel telah dikekalkan, antara perkara yang dikekalkan adalah tema, watak, dan latar. Tema utama yang ditonjolkan dalam kedua-dua versi ini adalah konflik emosi dan identiti Muslim, pengorbanan mempertahankan nilai-nilai Islam dalam dunia sekular dan perjuangan mempertahankan pendidikan agama di mana sekolah-sekolah agama menjadi kurang penting dalam dunia yang semakin sekular selain halangan memakai hijab. Manakala watak utama dalam karya dan juga drama masih tetap sama iaitu Afham dan Amal Hayati watak ini masih dikekalkan bagi tujuan cerita dan memelihara keseimbangan dan kesinambungan dalam kedua-dua bentuk penceritaan. Dari segi latar pula, Istanbul merupakan tempat latar utama dalam novel dan drama, ia menunjukkan sebagai simbol tamadun Islam yang terletak diantara Timur dan Barat, dan perjuangan iman dikekalkan dalam kedua-dua medium.

B) Transformasi

Transformasi merupakan satu proses penyesuaian cerita kepada kandungan dan kehendak melalui medium yang baru. Dalam hal ini perubahan yang telah berlaku antara novel dan dram adalah perubahan dari plot jalan cerita melalui penambahan watak dan konflik baru. Kehadiran watak Naura dan Dr. Wajdi yang memberi signifikan yang ketara dalam drama bagi memperlihatkan konflik percintaan tiga segi yang memberi ketegangan emosi dan dilema, begitu juga dalam watak Afham yang menghadapi konflik dan dilema antara ilmu dan agama, percintaan antara dua wanita cinta lama dan tunang lama. Tetapi watak dan plot ini tidak ditonjolkan dalam novel kerana tumpuan diberikan kepada isu perjuangan agama dan pendidikan dan tidak memberi impak yang mendalam dalam plot cerita.

Walaupun latar tempat dalam novel dan drama masih sama iaitu Istanbul akan tetapi gambaran visual yang dipaparkan lebih memukau dan memberi kesan estetika dan emosi yang mendalam berbanding dengan novel. Selain itu, lakonan dan dialog yang penuh emosi memberi penekanan terhadap ekspresi emosi seperti dilema cinta, ego dan pilihan dalam gaya hidup menjadi pemacu cerita yang menambahkan lagi menambahkan lapisan dramatik, tetapi dalam novel tidak menampilkan konflik ini dengan ketara atau secara langsung.

C) Komen/Tafsiran semula

Penyalinan dan penafsiran merupakan salah satu elemen penting dalam teori adaptasi yang berfungsi sebagai salah satu bentuk penafsiran terhadap karya asal. Oleh itu, Bagi menarik minat penonton beberapa nilai dan sikap seperti cinta, ego, dilema sosial dan hubungan profesional diperkembangkan dan dizahirkan dalam drama sehingga memberi penafsiran baru terhadap isi kandungan dalam novel yang bersifat konseptual dan reflektif. Dalam konteks ini, nilai-nilai moral dan keislaman seperti tanggungjawab, kesetiaan, dan pengorbanan, perkara ini

jelas ditunjukkan pada sikap Afham yang mengharungi dilema cinta dan kerjaya, tetap memilih prinsip dalam membuat keputusan akhir.

Selain itu kritikan sosial terhadap realiti masyarakat Muslim yang merantau khususnya gambaran wanita Muslimah yang berprofesional seperti gambaran yang diberikan kepada watak Naura dan Amal Hayati yang berpendidikan, berdikari tetapi menghadapi konflik emosi dan spiritual, perkara ini merupakan cara penyampaian mesej dan lebih dekat dengan penonton dan pembaca khususnya golongan muda dan wanita muslimah profesional.

Perbandingan Aspek Adaptasi: Tema, Gaya Naratif, Watak & Plot, Medium dan Nilai Moral

Berdasarkan Teori Adaptasi yang boleh dikenal pasti adanya persamaan antara novel dan drama Rona Bosphorus boleh didapati melalui beberapa elemen-elemen seperti tema dan plot, watak, dan mesej yang dibawa dan sebagainya. elemen utama dalam persamaan antara kedua-dua jenis genre ini keaslian karya dari segi struktur dan identiti karya yang disesuaikan dengan keadaan medium tanpa menghilangkan unsur-unsur utama seperti nilai-nilai Islam, identiti budaya, dan konflik emosi yang menjadi tunjang utama penceritaan. Kedua-dua genre berkongsi tema-tema utama yang sama iaitu: seperti cinta, konflik nilai, pengorbanan dan perjuangan di negara asing, dan identiti budaya dan keimanan. Selain itu, Proses pengadaptasian novel ke arah drama mereka masih mengekalkan sinopsis dan watak asal novel khususnya watak utama iaitu Afham, Naura dan Amal walaupun diselitkan watak sampingan bagi memberi ruang kepada plot penceritaan berkembang mengikut keperluan medium.

Dalam struktur ini, watak-watak dikembangkan secara berperingkat, dimana perubahan berlaku dari segi emosi, pegangan hidup, atau keimanan. Manakala, dialog pula digunakan bukan sekadar untuk melajukan cerita, tetapi sebagai alat untuk menyampaikan prinsip-prinsip Islam secara halus. Walaupun bentuk penyampaian berbeza, tema moral dan prinsip kehidupan Islam tetap konsisten diangkat, menjadikan medium dan reka bentuk formal ini bukan sekadar hiburan, tetapi juga wadah dakwah dan pendidikan rohani.

Dari segi elemen konteks penciptaan, audiens dan penerimaan, dan konteks masa dan ruang drama, proses adaptasi novel ke arah pendigitalan telah penulis Zaid Akhtar telah terlibat secara langsung dengan proses proses penulisan skrip dan beliau juga sentiasa membantu dalam memastikan keseimbangan antara mesej dan visi asal kekal. Selain melihat dari sudut tarikan utama pembaca dan penonton terhadap kedua-dua medium ini yang menghargai kisah percintaan yang berlandaskan syariah, budaya dan nilai-nilai Islam. Begitu juga dari sudut latar dan lokasi yang ditonjolkan dalam penceritaan ini yang memaparkan budaya Turki dan lokasi kisah asal di tonjolkan iaitu Istanbul dan Selat Bosphorus yang memberikan impak mendalam dan membantu memberikan gambaran yang jelas terhadap konflik budaya dan perjalanan rohani watak utama.

Jika dilihat dari perbezaan yang telah berlaku diantara proses transformasi novel bercetak ke arah drama digital telah memberi impak yang berbeza proses penyampaian cerita jadual di bawah memperincikan perbandingan antara novel dan drama Rona Bosphorus dari segi tema, gaya naratif, watak dan plot, medium dan nilai moral. Perbandingan antara novel dan drama dapat diringkaskan seperti berikut:

Aspek	Novel	Drama
Tema dan Plot	Ideologi Islam vs Sekularisme, perjuangan akademik, warisan dan	Penambahan beberapa konflik cinta dan moral emosi dan pilihan hidup, dilema

	tanggungjawab agama, dan pengorbanan	profesional, ego, martabat Muslim perantau.
Medium	Teks, dialog, monolog dalaman dan simbolik: yang memerlukan kepada pentafsiran dan imaginasi pembaca bagi memahami perasaan dan pemikiran watak.	Dialog lisan, latar muzik dan audio-visual, sinematografi, dan ekspresi lakonan, membolehkan percambahan emosi secara langsung, akan tetapi beberapa bahagian yang terkandung dalam novel perlu diringkaskan kerana kekurangan masa atau disesuaikan dengan jalan cerita yang lebih menarik.
Gaya Naratif	Reflektif, introspektif, simbolik berbentuk dialog dan deskripsi, lambang Bosphorus sebagai metafora iman dan ujian	Dramatik, visual, episodik, penuh konflik emosi dan ekspresi visual Visual, dan pelbagai watak pendukung
Watak	Afham & Amal Hayati sebagai Watak utama dan fokus utama, watak-watak lain sebagai sampingan dan simbolik	Penambahan watak Naura & Dr. Wajdi sebagai pelengkap untuk konflik cinta segitiga
Nilai Moral	Penerapan Nilai-nilai Islam dan murni Tanggungjawab terhadap pendidikan Islam	Nilai moral yang ditampilkan melalui konflik emosi, hubungan dan realiti romantik moden

Jadual di atas menunjukkan perbezaan utama diantara novel bercetak dan drama yang telah diadaptasikan ke bentuk digital yang merangkumi 5 aspek utama iaitu plot dan tema, medium, gaya penceritaan, watak dan nilai-nilai moral yang ditonjolkan antara yang utama dalam perubahan ini adalah perkembangan watak dan konflik yang berlaku diantara watak-watak utama, hal ini tidak ditonjolkan secara ketara di dalam novel. Selain itu dari segi penciptaan dan pengadaptasian telah berlaku satu perubahan yang ketara dimana proses adaptasi drama ini menjadi satu keperluan bagi asas dalam proses penerbitan kerana dapat membawa kepada satu perspektif yang baru di samping mengekalkan yang asal. Hal ini perlu dilakukan agar memastikan karya yang diolah itu bersesuaian dengan medium yang digunakan. Manakala dari segi penerimaan audiens ia disesuaikan dengan tontonan semua lapis masyarakat khususnya mereka yang meminati elemen visual, selain ia memudahkan capaian platform digital, berbanding dengan novel yang menumpukan kepada golongan tertentu khususnya yang meminati pembacaan sastera dan golongan muda dan keperluan mendapatkan buku bercetak. Sementara itu, ruang dan masa dalam drama juga disesuaikan dengan konsep cerita dan latar belakang semasa drama diterbitkan, perubahan ini berlaku disebabkan suasana dan gaya hidup. Hal ini berbeza dengan novel bercetak yang mana ia kekal dalam keadaan asal tanpa perubahan. Maka dengan itu, dapat dilihat bahawa teori adaptasi yang dibawa oleh Linda Hutcheon sangat relevan dengan adaptasi novel Rona Bosphorus ke dan drama bersiri, hal ini dilihat dari penekanan kepada transformasi naratif ini bererti ia mengekalkan konsep dan kandungan asal tetapi mengubah bentuk penyampaian cerita dan ia bukanlah dianggap penylewengan dan pelanggaran terhadap karya asal akan tetapi ia merupakan satu bentuk penghargaan bagi sesebuah karya yang diperbaharui dan dihidupkan semula bagi memberi nafas baru kepada penceritaan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa dunia digital bukan sekadar alat untuk transformasi teknologi tetapi memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kedudukan

karya sastra Islam sebagai platform dakwah yang berkesan pada zaman moden. Menurut teori adaptasi oleh Hutcheon, terdapat tiga peringkat utama dalam proses adaptasi: pengulangan, transformasi, dan tafsiran semula. Adaptasi bukan sekadar menyalin akan tetapi ia juga merujuk kepada cara penciptaan semula yang kritikal dan kreatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa novel dan drama bersiri Rona Bosphorus yang dikaji mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan yang membuatkan setiap satu itu mempunyai keunikan tersendiri. Adaptasi drama bersiri ini masih mengekalkan tema asal yang ada dalam novel bercetak seperti pengorbanan, cabaran identiti Muslim dalam negara sekular, dan pemeliharaan nilai dakwah dan akhlak Islam. Selain itu, ia merupakan satu proses kreatif yang kompleks dan dinamik bagi memanfaatkan medium baru dalam pemindahan cerita, pembinaan semula plot, watak, dan latar belakang antara perbezaan yang terdapat di dalam kedua-dua medium tersebut.

Berdasarkan penemuan dan analisis yang telah dijalankan, kajian ini membawa implikasi yang signifikan dan meluas. Implikasi-implikasi ini bukan sahaja penting dalam konteks teori dan pengembangan ilmu dalam bidang transformasi media, tetapi juga memberikan panduan praktikal yang berguna untuk industri kreatif dan pembuat dasar. Dengan kata lain, hasil kajian ini tidak hanya menambah pengetahuan sedia ada, tetapi juga menawarkan nilai guna yang dapat diaplikasikan secara langsung dalam pembangunan dan penerbitan karya-karya adaptasi pada masa hadapan. Antara berikut adalah implikasi kajian yang boleh diaplikasikan ialah:

1. Mengembangkan teori adaptasi Hutcheon dalam konteks kajian kesusasteraan dan media Islam. Teori ini sangat relevan dan boleh diaplikasikan di luar konteks sastra Barat dan memberikan sumbangan kepada pemahaman global.
2. Penerokaan terhadap karya-karya Islam Moden yang boleh diadaptasikan ke dalam medium digital yang boleh dijadikan sebagai salah satu cara penyebaran nilai-nilai Islam kepada masyarakat khususnya generasi muda.
3. Memberi sumbangan kepada kajian media dan budaya dari segi hubungan antara teks asal, proses adaptasi dan medium terdiri daripada teknologi digital.

Penghargaan

Di sini saya mengambil peluang mengucapkan ribuan terima kasih kepada penganjur dan ahli jawatankuasa Seminar Penyelidikan Pengajian Islam (SPPI2025) bagi memberi peluang kepada saya menyertai seminar dan menerbitkan artikel dalam jurnal ini.

Rujukan

- _____. (2015) Kamus Dewan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hakim Abdullah, Mohd Taufiq Abd. Talib & Azhar Yaacob (2015). Kupasan Lanjut Terhadap Konsep dan Peranan Pendekatan Sastera Islam Moden. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 9. 170-190.
- Abdul Hakim, A. H., Ahmad, A. H., & Abdullah, N. (2015). *Sastera Islam: Konsep dan perkembangan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Nabil Amir (2019). Falsafah Pemikiran Sastera Islam. *Fitrah: Jurnal Kajian Ilmu-ilmu Keislaman*. 5(1). jurnal.iain-padangsidempuan.ac.id/index.php/F165
- Ahmad, S., & Zainal, N. (2020). Perkembangan Teknologi Dan Impaknya Terhadap Kesusasteraan Melayu Moden. *Jurnal Sastera Islam Kontemporari*. 12(1), 45–58.
- al-Fayruz Abadi. (1987). *al-Qamus al-Muhit*. Bayrut: Mu'assasah ar-Risalah.
- al-Kilani, N. (1984). *Afaq al-Adab al-Islamiyy*. Bayrut: Mu'assasah ar-Risalah.
- Hashim, M. (2010). *Teori dan Kritikan Sastera*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hashim, R. (2021). *Kesusasteraan Islam dalam Era Digital: Cabaran dan Peluang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hutcheon, L. (2006) *A theory of Adaptation*. England: Routledge
- Jamaludin, A., Roslan, N., & Abdullah, I. (2022). Transformasi Industri Penerbitan Buku Di Malaysia Dalam Era Digital. *Jurnal Komunikasi Malaysia*. 38(1), 1-17. <https://doi.org/10.17576/JKM-2022-3801-01>
- Jenkins, H (2006). *Convergence Culture: Where Old and New Media Collide*. New York: NYU Press.
- Mohamad, N. (2014). Trend Novel Islami dalam Kalangan Remaja di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 16(1), 45–60.
- Mohd Ali, M. (2009). *Pemikiran Islam Dalam Kesusasteraan Melayu Moden*. Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Ghazali, M. (2003). *Pengantar Teori Kesusasteraan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nor, M. R., & Hassan, H. (2021). Pengurusan Pengetahuan Islam Melalui Sistem Maklumat Masjid Pintar. *International Journal of Islamic Thought*. 19(1), 65–74.
- Muhammad Rizal. (2017). *A Film Adaptation on Characterization of Main Characters from The Lauren Kate's Fallen*. (Unpublished master's thesis). Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim, Malang.
- Nasir, M. H. (2023). Epistemologi Islam Dan Cabaran Pendigitalan Kesusasteraan: Satu Pendekatan Konseptual. *Jurnal Sastera dan Teknologi*. 4(2), 50–66.
- Nor, F. A. M., & Nor, R. M. (2022). Kesusasteraan Islam moden di Malaysia: Isu dan cabaran. *Jurnal Melayu Sedunia*, 5(2), 1-15. <https://www.researchgate.net/publication/362978051>
- Qutb, M. (1981). *Manhaj al-Fann al-Islamiyy*. Bayrut: Dar al-Shuruq
- Qutb, S. (1973). *al-Naqd al-Adabiyy: Usuluh wa Manhajuh*. Bayrut: Dar al-Shuruq.
- Rahim, R., & Faridah, H. (2019). Karya Sastera Digital dan Perubahan Resepsi Pembaca: Kajian Terhadap Penulisan Islamik dalam Talian. *Jurnal Komunikasi*, 35(3), 120–135.
- Rosli, N. (2017). Isu dan Cabaran dalam penulisan novel Islam kontemporari. *Jurnal Linguistik*. 25(2), 23–34.
- Rosni Samah & Nurhasma Muhamad Saad. 2012. Pendekatan Sastera Islam Moden. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 5. 65-75.
- S. Othman Kelantan. (1987). *Arah Pemikiran Sastera Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saad, N. S., & Mohd Nor, M. R. (2013). Pengaruh Novel Islam Indonesia Terhadap Perkembangan Novel Islam di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 12(1), 78–90.
- Shawqi, D. (1981). *al-Tatawwur wa al-Tajdid fi al-Shi'r al-Umawiyy*. Kahirah: Dar al-Ma'arif.

- Wahbah, M. al-Muhandis, K. (1984). *Mu'jam al-Mustalahat al-'arabiyah fi al-Lughah wa al-Adab*. Bairut: Maktabah Lubnan.
- Yusof, N. M., & Salleh, R. (2016). Identiti Islam dalam Novel Popular Melayu: Satu Kajian Tematik. *Journal of Language Studies*, 16(2), 83–97. <https://doi.org/10.17576/gema-2016-1602-06>
- Zainal, Z., Sa'ari, M. A., & Abdul Rahman, M. F. (2023). Pendigitalan Karya Sastra Islam: Potensi dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam Kontemporari*. 16(1), 45-60. <http://spaj.ukm.my/jpic/index.php/jpic/article/view/158>
- Zainuddin, H. (2018). Ciri-Ciri Naratif Islam dalam Sastra Kontemporari. *Jurnal Pengajian Islam*, 7(1). 12-25